

01 JUN 2001

DR MAHATHIR PULANG DARI JAKARTA SELEPAS HADIRI G15

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang dari Jakarta hari ini selepas menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang pukul 11.15 pagi.

Beliau adalah antara tujuh ketua negara atau ketua kerajaan yang menghadiri persidangan dua hari itu yang dipengerusikan oleh Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Perdana Menteri telah memberitahu persidangan media di Jakarta selepas berakhirnya persidangan kemuncak itu semalam bahawa beliau gembira mendapati G15 telah muncul sebagai sebuah pertubuhan yang kuat.

"Kita boleh lihat setiap negara anggota begitu serius dan berazam untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam rundingan yang memberi kesan terhadap negara membangun dan hubungan mereka dengan negara maju," kata beliau.

G15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Venezuela akan menjadi tuan rumah persidangan yang akan datang di Caracas.

-- BERNAMA

HS AZZ NMO